

**PERATURAN SUKAN BOLING
TEMASYA SUKAN JABATAN LAUT MALAYSIA 2026**

TARIKH : **19 SEPTEMBER 2026**
HARI : **SABTU**
MASA : **8.00 PAGI – 01.00 PETANG**
TEMPAT : **LITE SUPERBOWL, PELANGI LEISURE MALL, JOHOR
BHARU**

1. PERATURAN AM

- 1.1 Pertandingan ini akan dijalankan mengikut Peraturan Pertandingan Kongres Tenpin Bowling Malaysia (MTBC).
- 1.2 Kejadian di luar dugaan dan tidak terdapat dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut:
 - 1.2.1.1 Semua peraturan am akan diputuskan berasaskan kepada **PERATURAN AM SUKAN JABATAN LAUT MALAYSIA**.
 - 1.2.1.2 Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan berasas kepada Peraturan MTBC.

2. SYARAT PENYERTAAN

- 2.1 Penyertaan adalah seperti di bawah:
 - 2.1.1 **BERPASUKAN** (2 pemain Lelaki, dan 1 pemain Wanita Sahaja)
 - 2.1.2 **INDIVIDU LELAKI**
 - 2.1.3 **INDIVIDU WANITA**
- 2.2 Penyertaan adalah terhad kepada **1 PENYERTAAN SAHAJA** bagi setiap kategori bagi semua wilayah.
- 2.3 Pemain yang bermain bagi kategori **BERPASUKAN TIDAK BOLEH bermain bagi kategori INDIVIDU** dan sebaliknya.

3. FORMAT PERTANDINGAN

- 3.1 Setiap pasukan dan individu akan bermain **sebanyak tiga (3) pusingan perlawanan**.
- 3.2 Pertandingan akan dijalankan mengikut format “**Cross Lane**”.
- 3.3 Kedudukan **lorong (lane)** ditentukan oleh pihak penganjur dan akan dimaklumkan semasa urusan pendaftaran pada hari pertandingan.

- 3.4 Semua pemain diwajibkan **melapor diri** di meja pendaftaran selewat-lewatnya **tiga puluh (30) minit sebelum** pertandingan bermula.
- 3.5 Setiap pemain hendaklah berada di Lorong (lane) yang telah ditetapkan **sepuluh (10) minit sebelum** pertandingan bermula bagi memastikan pertandingan dapat dijalankan mengikut jadual.
- 3.6 Pematuhan masa sangat penting sepanjang pertandingan berlangsung (**dilarang melengahkan masa**).

4. FORMAT PEMARKAHAN

- 4.1 Jumlah Pingat:
 - 4.1.1 **Berpasukan** : 1 Pingat (Emas, Perak, Gangsa)
 - 4.1.2 **Individu Lelaki** : 1 Pingat (Emas, Perak, Gangsa)
 - 4.1.3 **Individu Wanita** : 1 Pingat (Emas, Perak, Gangsa)
- 4.2 Pemenang akan ditentukan berdasarkan **jumlah jatuhan pin keseluruhan tertinggi**. Jika mata seri, jumlah jatuhan pin bagi pusingan ketiga (terakhir) akan diambil kira untuk menentukan pemenang.
- 4.3 **Tiada peruntukan “Blind Score”** akan diberikan sekiranya terdapat pemain yang gagal menghadirkan diri pada saat akhir.
- 4.4 Skor yang dipaparkan pada skrin di setiap Lorong (lane) akan dianggap sebagai **markah rasmi**. Setiap pasukan juga wajib melengkapkan dan menyerahkan borang skor kepada urusetia selepas setiap pusingan perlawanan.
- 4.5 Sekiranya berlaku sebarang kesilapan pemarkahan akibat masalah teknikal, pemain hendaklah segera memaklumkan perkara tersebut kepada urusetia atau **“Lane Marshal”** yang bertugas.
- 4.6 Sebarang bantahan terhadap markah hanya akan dipertimbangkan sekiranya aduan dibuat sebelum balingan seterusnya dilakukan.
- 4.7 Sebarang bentuk penipuan terhadap peraturan atau pemarkahan akan mengakibatkan pembatalan penyertaan pasukan atau pemain secara serta-merta. Peserta yang terlibat tidak dibenarkan meneruskan pertandingan dan yuran penyertaan tidak akan dikembalikan.
- 4.8 Segala Keputusan yang dibuat oleh pihak Jawatankuasa Pertandingan boling adalah MUKTAMAD.

5. ETIKA BERPAKAIAN, TATATERTIB DAN LARANGAN

- 5.1 Semua pemain diwajibkan memakai pakaian sukan yang bersesuaian, sopan dan mematuhi etika pemakaian lazim bagi sukan tenpin boling. Penggunaan seluar pendek serta pakaian yang mencolok mata yang lain adalah TIDAK DIBENARKAN sama sekali.
- 5.2 Penggunaan kasut khas boling dan stokin adalah diwajibkan. Peserta boleh menggunakan peralatan sendiri atau menyewanya di pusat boling atas tanggungan kos sendiri.
- 5.3 Larangan merokok (termasuk rokok elektronik) dan pengambilan minuman keras adalah dikuatkuasakan sepanjang pertandingan berlangsung.
- 5.4 Pihak penganjur berhak menggantung atau membatalkan penyertaan mana-mana pasukan atau pemain yang mencetuskan kekecohan, pergaduhan atau kecederaan sehingga mengganggu kelancaran pertandingan. Sebarang pelanggaran peraturan yang telah ditetapkan, pihak penganjur tidak akan bertolak ansur.
- 5.5 Pihak penganjur berhak membatalkan penyertaan mana-mana pemain atau pasukan yang didapati melanggar mana-mana peraturan di atas.

6. HAK JAWATANKUASA PERTANDINGAN

- 6.1 Jawatankuasa Pengelola berhak untuk meminda atau menambah peraturan sekiranya perlu. Sebarang perkara yang tidak dinyatakan di dalam Peraturan Am ini akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Penganjur.
- 6.2 Segala Keputusan adalah MUKTAMAD.